

SULIT
3755/2
Perdagangan
Kertas 2
2007

3755/2

LOGO DAN NAMA SEKOLAH

PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2007

TINGKATAN 5

PERDAGANGAN **Kertas 2** **Dua jam**

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
 2. *Jawab **tiga** soalan daripada **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B**.*
 3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas tulis yang disediakan.*
 4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
 5. *Penggunaan kalkulator saintifik yang **tidak** boleh diprogramkan dibenarkan.*
-

Kertas soalan ini mengandungi 5 halaman bercetak

Bahagian A

Jawab mana-mana tiga soalan dalam bahagian ini

1 (a) (i) Apakah maksud pengkhususan? (3 markah)

(ii) Mengapakah pelbagai jenis pengkhususan wujud dalam pengeluaran? (8 markah)

(b) Terangkan empat kelemahan sistem barter (8 markah)

(c) Nyatakan tiga fungsi bantuan perniagaan di bawah kepada peniaga.

- i. Perbankan
- ii. Insurans

(6 markah)

2 (a) Terangkan fungsi pemborong bayar dan bawa. (7markah)

(b)

Ramai pelanggan suka membeli barang terus daripada jurujual yang mengunjungi rumah. Alasannya ialah kerana kesuntukan masa untuk pergi membeli belah.

(i) Apakah jenis peruncitan di atas. (1 markah)

(ii) Nyatakan ciri-ciri peruncitan di (i). (3 markah)

(iii) Terangkan **empat** kebaikan peruncitan tersebut kepada pembeli. (8 markah)

(c) Gambar di bawah berkaitan masalah perniagaan antarabangsa.




RINGGIT MALAYSIA



DOLLAR AMERIKA



SISTEM METRIK



SISTEM IMPERIAL

Terangkan setiap masalah tersebut. (6 markah)

[Lihat sebelah
SULIT


- 3 (a) Jelaskan empat ciri Industri Kecil dan Sederhana dari aspek :
- Modal
 - Teknologi pengeluaran
- (8 markah)
- (b) Terangkan **tiga** tujuan penswastaan. (9 markah)
- (c) Pernyataan berikut adalah berkaitan dengan pelaburan yang dibuat oleh Puan Manisah dalam Syarikat Euro Trading Berhad.

5000 unit 8% syer keutamaan pada RM 2.50 setiap satu

5000 unit syer biasa pada harga RM 2.00 setiap satu. Nilai taranya RM 1 setiap satu

Dividen yang diisyiharkan adalah 10 % ke atas syer biasa dan dividen penuh ke atas syer keutamaan.

- (i) Kirakan jumlah pendapatan yang diterima oleh Puan Manisah hasil dari pelaburan yang dibuat olehnya. (6 markah)
- (ii) Apakah yang dimaksudkan dengan syer biasa ? (2 markah)
4. (a) Terangkan lima peranan yang dimainkan oleh pengangkutan dalam memajukan perniagaan ke peringkat antarabangsa. (10 markah)




DMIB Berhad ialah pengeluar tayar Simex dan Dunlop yang terbesar di Malaysia. Tayar DMIB telah dipasarkan hampir ke seluruh dunia dan pengguna nya yang paling tinggi adalah Eropah, Amerika Syarikat dan Jepun.


- (b) Sebagai syarikat yang berasaskan eksport, DMIB Berhad sangat memerlukan Gudang. Terangkan jenis gudang yang sesuai untuk pengeluaran tayarnya. (5 markah)
- (c) Terangkan bagaimana teleks dan internet dapat membantu DMIB Berhad dalam menguruskan perniagaannya. (10 markah)

[Lihat sebelah
SULIT

- 5 (a) Gambar berikut, merupakan salah satu jenis promosi yang boleh digunakan oleh pengeluar atau peniaga.



- i) Namakan jenis promosi di atas. (1 markah)
- ii) Jelaskan mengapa barang itu perlu dipromosikan. (6 markah)
- b) Terangkan empat faktor yang perlu dipertimbangkan apabila memilih media pengiklanan. (8 markah)



- (c) Selain daripada peranan di atas, terangkan lima lagi peranan kerajaan dalam membantu peniaga. (10 markah)

Bahagian B

Bahagian ini mengandungi satu soalan yang wajib dijawab

6. Pasaraya Purnama Sdn. Bhd adalah sebuah pasaraya yang begitu mendapat perhatian dari para pengguna sekitar bandar Kuantan kerana lokasi, harga, jenama dan sistem layan diri yang dilaksanakan memberi kebebasan kepada pengguna. Pasaraya Purnama mempunyai seramai 200 orang pekerja termasuk 20 orang juruwang yang mengendalikan wang tunai hasil jualan harian. Semua pekerja beliau dibayar gaji melalui akaun bank masing-masing di Bank Islam Malaysia Bhd.

Premis perniagaan Pasaraya Purnama disewa dari Syarikat Warisan Jengka. Manakala harta-harta lain seperti 10 buah lori yang dibeli dengan harga RM100,000.00 melalui kaedah sewa beli dengan bayaran sebanyak RM3000.00 sebulan selama tempoh 60 bulan. Semua bayaran dibuat melalui bank yang ianya mempunyai akaun semasa.

Disebabkan syarikat mempunyai pengangkutan sendiri maka urusan membeli stok perniagaan berjalan dengan lancar. Bekalan stok boleh didapati dengan mudah , terus dari kilang yang berdekatan. Manakala stok barang-barang import pula dibeli terus daripada ejen-ejen import dan dibayar dengan cek .

Melalui promosi yang berterusan dan juga jualan murah yang dilakukan maka Pasaraya Purnama semakin mendapat tempat dihati pengguna. Untuk memenuhi keperluan pengguna pihak syarikat telah menyewa tanah yang berdekatan untuk dijadikan tempat letak kereta bagi memudahkan para pengunjung.

Jawab semua soalan dibawah.

- (a) Terangkan empat jenis insurans yang perlu diambil oleh Pasaraya Purnama Sdn. Bhd. (8 markah)

- (b) Bagaimakah perkhidmatan-perkhidmatan bank berikut dapat membantu Pasaraya Purnama Sdn. Bhd.
 - (i) Pindahan kredit.
 - (ii) Arahan tetap
 - (iii) Overdraf bank(9 markah)

- (c) Nyatakan empat ciri perniagaan di atas. (4 markah)

- (d) Jelaskan kelebihan perniagaan tersebut kepada peniaga. (4 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT